

# Bukan mustahil tidak mampu bayar gaji

BH 5 APR 1986  
p

KUALA TERENGGANU,  
Jumaat — Datuk Seri  
Dr Mahathir Moha-  
mad menegaskan ke-  
takmampuan kerajaan  
membayar gaji kaki-  
tangannya, seperti  
yang berlaku di nega-  
ra-negara lain, bukan-  
lah sesuatu yang  
mustahil jika hasil  
yang dipungut terus  
berkurangan.

Menurut Perdana Mente-  
ri, kemerosotan hasil  
itu boleh berlaku sekiranya tiga pihak yang  
terbabit iaitu kaki-  
tangan kerajaan,  
swasta dan ahli politik  
enggan bekerjasama.

Katanya, kerajaan  
menyedari hakikat ini  
dan kerana itu mem-  
perkenalkan Persyari-  
katan Malaysia supaya  
semua pihak bekerja-  
sama bagi membolehkan  
hasil ditingkatkan  
dan pelbagai projek  
pembangunan dilaksa-  
nakan.

## Eksport

Berucap kepada pegawai  
kerajaan, pihak swasta  
dan ahli politik di ke-  
diaman Menteri Besar  
di sini malam tadi,  
Perdana Menteri ber-  
kata, kerajaan mahu-  
kan pegawai-pegawainya membantu  
mempercepatkan per-  
mohonan swasta supaya  
sesuatu projek dapat  
dibangunkan  
dengan cepat.

Katanya, mesyuarat ka-  
binet Rabu lalu menga-  
rahkan semua kementerian,  
jabatan dan  
agensi kerajaan meli-  
patgandakan usaha  
memudahkan per-  
laksanaan konsep Per-  
syarikatan Malaysia.

Kabinet, setelah meneliti  
perjalanan dasar itu,  
mendapati masih ada  
beberapa kekeliruan  
dan kelemahan yang  
perlu dibaiki dalam  
perlaksanaan konsep  
itu.

Datuk Seri Dr Mahathir  
menambah, Persyari-  
katan Malaysia ber-  
tambah penting kerana  
sumber tetap kerajaan  
daripada eksport ba-  
han mentah seperti bi-  
jih timah, getah dan  
minyak jatuh dengan  
teruk sekali.